

PENYERTAAN UNIT PEMPROSESAN EIA JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DI MESYUARAT BAGI PENYELARASAN PEMBANGUNAN PROJEK PENAMBAKAN DI DALAM KAWASAN ZON EKONOMI MELAKA WATERFRONT ECONOMIC ZONE (M-WEZ) DI BAHAGIAN PENILAIAN, IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR

7 Mac 2023, PUTRAJAYA – Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah mengadakan mesyuarat bersama wakil projek-projek di kawasan M-WEZ dimana turut dihadiri oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan M-WEZ bagi membincangkan proses kelulusan laporan EIA dimana sebahagian melibatkan laporan EIA dibawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua. Projek mega yang merupakan suatu perancangan yang strategik bagi memacu ekonomi Negeri Melaka yang kaya dengan khazanah warisan dan fauna seperti penyu.

Mesyuarat bertujuan mendapatkan isu dan masalah secara terus dari pemegang-pemegang taruh bagi mendapatkan jalan penyelesaian bagi projek-projek ini. Diharapkan pembangunan yang dirancang akan dijalankan secara lestari bagi memberi manfaat bukan sahaja kepada rakyat Negeri Melaka namun juga kepada alam sekitar amnya.

#KementerianSumberAsliAlamSekitar dan PerubahanIklim

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka